

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah program-program yang telah dirangka oleh Menteri Sumber Manusia untuk membantu belia dan beliawanis khususnya di luar bandar. Adakah program-program khas (RAISE) akan diteruskan untuk membantu mengurangkan kadar penganggurnya di kalangan belia dan beliawanis di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan program *Rural Acceleration Industry Skill for Employment* (RAISE) pada 2017 dan 2018 di mana seramai 2,167 belia telah dilatih dengan bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM12.25 juta. Daripada jumlah tersebut, 53% berjaya mendapatkan penempatan pekerjaan. Bagaimanapun perlaksanaan program ini telah ditamatkan setelah berlakunya pertukaran Kerajaan Barisan Nasional kepada Kerajaan Pakatan Harapan pada bulan Mei 2018.

2. Bagi menyokong usaha Kerajaan agar terus membantu golongan belia khususnya di luar bandar, PSMB telah memperkenalkan 2 inisiatif yang memberi fokus kepada golongan belia bagi mendapatkan pekerjaan dan menjana pendapatan iaitu *Place & Train* dan Gerak Insan Gemilang (GIG) yang akan membantu mengurangkan kadar pengangguran belia di luar bandar.

Sekian, terima kasih.